

## Aktiviti 4

Lengkapkan petikan dengan kata sendi nama yang betul.

### Membantu Ibu

pada

di

ke

dari

daripada

kepada

Ibu Dahlia baru pulang dari kedai runcit yang dekat dengan rumah mereka. Ibunya membeli beberapa botol kicap, sos cili dan sos tomato.

Dahlia mengambil bakul yang berisi botol-botol sos itu \_\_\_\_\_ ibunya. Dia membawa botol-botol itu \_\_\_\_\_ singki.

Dahlia membasuh botol-botol itu untuk menghilangkan habuk \_\_\_\_\_ botol itu. Kemudian, dia mengelap botol-botol itu sehingga kering.

Dahlia membawa botol-botol itu \_\_\_\_\_ kabinet dapur. Dia menyusun botol sos itu dengan kemasnya \_\_\_\_\_ dalam kabinet.

Ibu Dahlia berasa gembira dan bangga akan Dahlia. Beliau mengucapkan terima kasih \_\_\_\_\_ Dahlia kerana membantunya.

